

Seminar Sastera Pelbagai Kaum 2013

Seminar Sastera Pelbagai Kaum 2013 bertemakan Sastera Kebangsaan Pemangkin Perpaduan Kaum akan diadakan di Dewan Orkestra Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), pada 24 September, jam 8 pagi hingga 5 petang.

Acara anjuran ASWARA dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan kerjasama Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERS-PEKTIF) itu dilaksanakan bagi menggalakkan perpaduan kaum di Malaysia dan dibuka kepada penulis, penggiat sastera, pensyarah, pelajar, kakitangan awam dan swasta serta masyarakat umum yang berminat.

Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr Awang Sariyan, akan merasmikan seminar terbabit yang menampilkan ucaptama oleh tokoh sastera bangsa Cina, Prof Madya Dr Lim Swee Tin.

Pemakalah lain pada seminar terbabit ialah Ketua Satu, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Prof Datuk Wira Dr Abdul Latiff Abu Bakar dan Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Ding Choo Ming.

- + Penyertaan adalah percuma dan maklumat lanjut hubungi urus setia program, E Pian Pro Poul di talian 03-21483411 atau e-mel ke epian@dbp.gov.my.